

PERANAN TUNKU ABDUL RAHMAN DALAM MENGIMBANGI TEKANAN PERANG DINGIN, 1957–1966

TUNKU ABDUL RAHMAN'S ROLE IN BALANCING COLD WAR PRESSURES, 1957–1966

Noorilham Ismail^{1*}, Zulkanain Abdul Rahman¹ and Nur Dayana Mohamed Ariffin²

¹Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

²Independent researcher, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: ilham23@um.edu.my

Published online: 30 April 2026

To cite this article: Noorilham Ismail, Zulkanain Abdul Rahman and Nur Dayana Mohamed Ariffin. 2026. Peranan Tunku Abdul Rahman dalam mengimbangi tekanan Perang Dingin, 1957–1966. *Kajian Malaysia* 44(1): 313–334. <https://doi.org/10.21315/km2026.44.1.14>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2026.44.1.14>

ABSTRACT

This article focuses on the era of Tunku Abdul Rahman's administration during the Cold War period from 1957 to 1966. The main objective of this article is to analyse the role Tunku played in balancing Cold War pressures in the Federation of Malaya at the domestic and regional levels through the termination of the Emergency and the formation of the Federation of Malaysia, as well as through effective diplomacy. These circumstances relate to the efforts by Tunku as Chief Minister and later Prime Minister to ensure that the Cold War conflict created by the British in Malaya could be resolved. This article employs a qualitative approach based on archival document research, particularly the National Archives of Malaysia in Kuala Lumpur and The National Archive (TNA) in London. Additionally, this study employed sources from the National Archives of Singapore and documents from the John F. Kennedy Presidential Library in Boston, USA, as well as digital sources such as the Foreign Relations of the United States (FRUS) and the Department of State Bulletin. Finally, this article argues that Tunku's leadership has managed to balance the pressures of the Cold War at the domestic and regional levels through emergency termination, the formation of the Federation of Malaysia, and effective diplomacy.

Keywords: Tunku Abdul Rahman, Cold War, emergency termination, formation of the Federation of Malaysia, diplomatic relations

ABSTRAK

Artikel ini menumpukan perbincangan kepada era pentadbiran Tunku Abdul Rahman dalam tempoh Perang Dingin sekitar tahun 1957 hingga 1966. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis peranan yang dimainkan oleh Tunku bagi mengimbangi tekanan Perang Dingin di Persekutuan Tanah Melayu pada peringkat domestik dan serantau melalui tindakan penamatan darurat, pembentukan Persekutuan Malaysia serta pendekatan hubungan diplomatik yang berkesan. Keadaan ini berkaitan dengan usaha Tunku sebagai Ketua Menteri dan kemudiannya Perdana Menteri untuk memastikan konflik Perang Dingin yang telah dimulakan oleh pihak British di Tanah Melayu dapat diselesaikan. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan penyelidikan dokumen arkib khususnya Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan The National Archive (TNA) di London. Selain itu, kajian ini juga menggunakan sumber dari Arkib Negara Singapura dan dokumen dari Perpustakaan Presiden John F. Kennedy di Boston, Amerika Syarikat serta sumber digital seperti Foreign Relations of United States (FRUS) dan The Department of State Bulletin. Akhir sekali, artikel ini cuba mengemukakan hujah bahawa kepimpinan Tunku telah berjaya mengimbangi tekanan Perang Dingin pada peringkat domestik dan serantau menerusi tindakan penamatan darurat, pembentukan Persekutuan Malaysia serta jalinan hubungan diplomatik yang berkesan.

Kata kunci: Tunku Abdul Rahman, Perang Dingin, penamatan darurat, pembentukan Persekutuan Malaysia, hubungan diplomatik

PENGENALAN

Perang Dingin merupakan frasa yang menggambarkan pertembungan antara blok demokrasi dengan blok komunis pasca Perang Dunia Kedua. Konflik yang terhasil daripada pertembungan tersebut bukan sahaja tidak terbatas kepada soal ideologi, bahkan turut melibatkan persaingan politik, ekonomi, persenjataan antara Amerika Syarikat (AS) dengan Kesatuan Soviet (Mason 2009, 121). Lebih signifikan dan menjadi tumpuan artikel ini apabila Perang Dingin turut melibatkan Tanah Melayu tatkala konflik berkenaan tersebar dari Eropah hingga ke Asia pada penghujung dekad 1940-an. Seperti yang diberi penekanan dalam perbincangan berikutnya, Perang Dingin di Tanah Melayu ini berlanjutan sehinggalah Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan dan ditadbir oleh kepimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dan kemudiannya Persekutuan Malaysia.¹ Dengan itu, garis masa perbincangan dalam kajian ini membabitkan aspek domestik dan landskap antarabangsa yang melibatkan tempoh kemerdekaan PTM pada tahun 1957 sehinggalah penamatan konfrontasi dengan Indonesia pada tahun 1966. Keberadaan era pentadbiran Tunku sepanjang tempoh sembilan tahun ini memperlihatkan tindakan beliau dalam mengimbangi tekanan Perang Dingin melalui peranannya dalam penamatan darurat, pembentukan Persekutuan Malaysia serta jalinan hubungan diplomatik yang berkesan.

Bagi tafsiran mengenai Perang Dingin, sarjana seperti Ann Deighton (1990) telah menganalisis konflik tersebut dari pelbagai perspektif termasuk dari perspektif 'tradisionalis', 'revisionis', 'pasca revisionis' dan 'Perang Dingin yang berpunca daripada pihak British'. Menurut beliau, sarjana tradisionalis merupakan mereka yang menghasilkan penulisan sekitar 1950-an hingga 1960-an yang mendakwa Kesatuan Soviet sebagai pencetus Perang Dingin. Kajian golongan revisionis pula yang muncul selepas tahun 1970-an membuktikan bahawa Amerika Syarikat sebagai pihak yang bertanggungjawab mencetuskan Perang Dingin, manakala penulis pasca revisionis lebih terbuka dalam membincangkan soal punca Perang Dingin dalam konteks sejarah antarabangsa tanpa cenderung kepada mana-mana pihak sebagai pencetus mutlak konflik tersebut. Sarjana yang mengemukakan kenyataan bahawa 'British sebagai punca Perang Dingin' muncul sekitar penghujung 1970-an dan mereka telah berhujah bahawa British bertanggungjawab memulakan Perang Dingin bagi menjamin kepentingan ekonomi dan kedudukan mereka sebagai kuasa besar dunia (Deighton 1990, 2-3). Berdasarkan sebilangan tafsiran yang muncul mengenai konflik ini, ternyata analisis para sarjana bergantung pada isu yang dibincangkan berdasarkan sokongan dokumen-dokumen primer yang diperoleh daripada arkib-arkib tertentu dari Amerika Syarikat dan Britain serta Kesatuan Soviet (Rusia pada hari ini).

Perang Dingin di Tanah Melayu bermula apabila British mengheret konflik global itu ke Tanah Melayu sebaik sahaja pengisytiharan darurat pada bulan Jun 1948. British memulakan Perang Dingin ini melalui tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas Parti Komunis Malaya (PKM) yang dibincangkan dalam bahagian berikutnya. Setelah itu, konflik tersebut berlanjutan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan dipimpin oleh kabinet Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Justeru, era pentadbiran Tunku telah menyaksikan satu tempoh pengendalian konflik Perang Dingin ini apabila British melepaskan PTM sebagai sebuah kerajaan yang merdeka pada 31 Ogos 1957. Dengan itu, tanggungjawab penting terletak pada kepimpinan Tunku sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya Perdana Menteri Malaysia) untuk menyelesaikan konflik Perang Dingin yang ditinggalkan oleh pihak British sebelumnya.

Sememangnya banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji berautoritatif mengenai era pentadbiran Tunku Abdul Rahman sejak tahun 1980-an hinggalah lima tahun terakhir ini. Pengkaji seperti Anthony John Stockwell, Pamela Sodhy, Ramlah Adam, Joseph M. Fernando, Matthew Jones, Joseph Chinyong Liow, Mohd bin Samsudin, Michael Leigh, Johan Saravanamuttu dan Lam Choong Wah antara yang telah menyentuh mengenai era pentadbiran Tunku. Namun begitu, Ramlah (2005) hanya menumpukan persoalan berkaitan biografi politik Tunku, manakala kajian Liow (2005), Stockwell (2008), Mohd (2016) dan Sodhy (1982) lebih tertumpu pada tempoh pembentukan Persekutuan Malaysia yang melibatkan pentadbiran Perdana Menteri pertama tersebut. Liow (2005), misalnya, telah menggariskan era pentadbiran Tunku yang membabitkan soal

pembentukan Malaysia dan konfrontasi dengan Indonesia, tetapi beliau tidak menekankan soal usaha pihak Tunku untuk mengimbangi tekanan Perang Dingin pada waktu itu. Kajian berkaitan dengan Perang Dingin dan pentadbiran Tunku pernah disentuh oleh Fernando (2012), Jones (2002), Leigh (2018), Saravanamuttu (2010) dan Lam (2023). Walau bagaimanapun, hasil perbincangan mereka tidak tertumpu pada peranan yang dilakukan oleh Tunku dalam mendepani Perang Dingin pada peringkat domestik mahupun secara diplomatik. Justeru, kekosongan yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini mengenai pentadbiran Tunku dalam era Perang Dingin di Asia Tenggara akan diisi melalui kajian ini berdasarkan disiplin sejarah.

PENGLIBATAN BRITISH DALAM PERANG DINGIN

Tempoh selepas Perang Dunia Kedua telah menyaksikan pihak British berusaha untuk kembali mengekalkan statusnya sebagai kuasa besar dunia. Meskipun British telah mengalami kerugian akibat perang dengan blok fasis tetapi perkara tersebut tidak menjadi halangan untuk British kembali menerajui kedudukan politik global, ekonomi mahupun geostrategik. Pada 13 Ogos 1945, Setiausaha Pejabat Luar kerajaan British, Sir Ernest Bevin (1945–1951) pernah merangka gagasan *grand design* bagi membolehkan British membentuk kerjasama politik dan ekonomi dengan negara-negara Eropah Barat serta negara-negara Scandinavia (FO 371/49069 1945). Namun begitu, British kemudiannya terpaksa berhadapan dengan Kesatuan Soviet yang mula mengukuhkan pengaruhnya di pentas politik antarabangsa pasca Perang Dunia Kedua melalui peluasan pengaruh ideologi komunis. Sarjana seperti Eric Goldstein (2003,7) telah mengemukakan idea bahawa pertembungan ini merupakan pertembungan peringkat ketiga antara kedua-dua kuasa tersebut. Peringkat pertama pertembungan antara British dengan Kesatuan Soviet bermula pada kurun ke-19 sewaktu negara tersebut bawah dinasti Romanov, manakala peringkat kedua pula melibatkan pertembungan pada tahun 1917 selepas Revolusi Bolshevik bawah pimpinan Vladimir Lenin (1870–1924).² Oleh itu, British seterusnya telah mendapatkan sokongan daripada Amerika Syarikat dan situasi tersebut telah membawa babak baharu dalam pentas politik global iaitu Perang Dingin.

Sejak Perjanjian Potsdam ditandatangani, British semakin mempergiat usahanya untuk menguasai semula tanah jajahannya serta tanah bekas jajahan Jerman dan Itali. Wilayah-wilayah seperti Somaliland, Tripolitania dan Eritrea telah diletakkan bawah skim peramanahan kolektif hasil gesaan daripada British (Kelly 2000, 22). Bahagian Jerman turut menjadi tapak berlakunya Perang Dingin tatkala British cuba untuk mendapatkan penguasaan bahan bakar iaitu arang daripada penguasaan Kesatuan Soviet untuk kegunaan domestik di Britain (Greenwood 2003, 143). Bahagian benua Afrika juga telah menjadi pentas Perang Dingin apabila British cuba membendung kemaraan Kesatuan Soviet daripada

menguasai benua terbabit (Kent 1990, 166). Secara tidak langsung, tindakan pihak British ini telah membentuk pergeseran dan konflik dengan komunis Soviet yang jelas terbukti dalam bentuk Perang Dingin. Pada 5 Mac 1946, bekas Perdana Menteri, Winston Churchill (1941–1945) telah mengemukakan ucapan *iron curtain* (tirai besi) yang telah mengeruhkan hubungan dengan Kesatuan Soviet melalui kenyataan seperti yang berikut:

From Stettin in the Baltic to Trieste in the Adriatic, an iron curtain has descended across the Continent. Behind that line lie all the capitals of the ancient states of central and eastern Europe. Warsaw, Berlin, Prague, Vienna, Budapest, Belgrade, Bucharest and Sofia, all these famous cities and the populations around them lie in the Soviet sphere.
(Harbutt 1986, 186)

Melalui kenyataan tersebut, jelas bahawa British cuba untuk membentuk lingkungan pengaruh di bahagian Eropah Barat hingga membahagikan Eropah Timur kepada blok demokrasi dan blok komunis. British kemudiannya telah bertindak mempengaruhi Amerika Syarikat untuk mengisytiharkan 'doktrin Truman' pada 4 Mac 1947 yang bermotifkan pembendungan pengaruh komunis khususnya selepas Perang Saudara di Greece (Frazier 1991, 132). British kemudiannya telah berjaya membentuk lingkungan pengaruh ekonomi untuk blok demokrasi melalui Organisation for European Economic Co-operation (OEEC) dan Coordinating Committee (CoCom) sebelum meluaskan pengaruh geostrategik menerusi pembentukan NATO (Jackson 2001; Norasmahani 2018). Pada masa yang sama, British juga meluaskan pengaruhnya untuk mendapatkan sokongan negara-negara neutral seperti Sweden dan Switzerland supaya berpihak kepadanya melalui kerjasama ekonomi dan pembekalan kelengkapan pertahanan (Aunesluoma 2003; Wyss 2013).

Selain itu, British turut campur tangan dalam isu berkaitan komunis di bahagian Amerika Latin khususnya pada sekitar 1950-an dan awal 1960-an. Perkara ini terbukti apabila usaha British untuk memihak kepada rejim autokratik yang berkonflik dengan kepimpinan organisasi komunis khususnya di Cuba. Pihak British telah menyatakan sokongan ke atas rejim Fulgencio Batista yang bersaing dengan rejim Fidel Castro meskipun pada akhirnya Cuba tetap jatuh ke tangan komunis (Hull 2013). Perdana Menteri British pada ketika itu, Sir Harold Macmillan (1958–1963) telah menyifatkan bahawa pihak British berhadapan dengan ancaman Gemal Nasser di bahagian Timur Tengah, manakala pihak Amerika Syarikat telah berhadapan dengan Fidel Castro yang mirip individu tersebut. Bahkan beliau menegaskan kepada Presiden Amerika Syarikat, Dwight D. Eisenhower (1953–1961), "*Castro is really the very Devil. He is your Nasser*" bagi menggambarkan ancaman daripada individu berkenaan (FRUS 1958–1960, 1004). Hal ini ternyata menggambarkan bahawa British turut terlibat dengan perkara berkaitan dengan Perang Dingin di bahagian Amerika Latin biarpun kawasan tersebut merupakan kawasan berkepentingan Amerika Syarikat.

Di bahagian Asia, British telah membawa konflik Perang Dingin ini menerusi usahanya untuk mengukuhkan kedudukannya di Hong Kong dan di bahagian Timur Tengah yang berkaitan dengan Iran atas tujuan kepentingan ekonomi (Lu 2016, 138). Di Hong Kong, British telah membawa Amerika Syarikat untuk bersama-sama membendung pengaruh komunis dari Tanah Besar China menerusi peranan oleh United States of Information Service (USIS), manakala strategi membendung pengaruh komunis telah dibuat ke atas kepimpinan Perdana Menteri Mohammad Mossadegh yang membabitkan kepentingan petroleum di Iran (Marsh 2003, 10). Kawasan Asia Tenggara turut tidak terkecuali daripada menjadi pentas Perang Dingin apabila British bertindak membentuk satu pakatan kerjasama yang berorientasikan ekonomi dan telah diterjemahkan menerusi Rancangan Colombo pada tahun 1950 (Tarling 1998). Dengan itu, pihak British ternyata telah memainkan peranan penting dalam mencetuskan Perang Dingin yang bersifat rentas geografi dari Eropah sehinggalah ke bahagian benua lain sebelum ia turut berlaku di Tanah Melayu.

PERANAN TUNKU ABDUL RAHMAN DALAM MENGIMBANGI PERANG DINGIN DI PERINGKAT DOMESTIK DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Bagi mendepani Perang Dingin yang semakin kritikal tatkala PTM mencapai kemerdekaan, reaksi Tunku Abdul Rahman telah ditunjukkan menerusi usaha-usaha beliau dalam menangani ancaman komunis pada peringkat domestik. Perkara tersebut ditunjukkan dari segi usaha Tunku menamatkan darurat di Tanah Melayu pada 31 Julai 1960 serta penyelesaian terhadap ancaman komunis dari Singapura melalui pembentukan Persekutuan Malaysia. Kedua-dua perkara ini menjadi instrumen penting bagi menggambarkan peranan era pentadbiran Tunku sebagai pemimpin yang berusaha untuk menyelesaikan isu berkaitan komunis. Dalam insiden darurat di Tanah Melayu, sejumlah 4,668 orang awam dicatatkan terbunuh manakala 13,517 orang dan 4,425 orang masing-masing terdiri daripada pihak subversif dan anggota pasukan keselamatan yang turut menjadi korban sepanjang 12 tahun darurat tersebut (Federal Government Press Statement 1960). Untuk menangani ancaman komunis dari Singapura, Tunku telah menerima kawasan tersebut sebagai sebahagian daripada negara baharu yang ingin dibentuk. Hal tersebut berkaitan dengan soal populasi penduduk berbangsa Cina di Singapura yang dilihat oleh Tunku mampu mendatangkan kesan terhadap kestabilan dan kedudukan politik di Persekutuan. Dengan itu, keputusan mengakhiri darurat dan menangani pengaruh komunis dari Singapura dapat dijadikan sebagai tanda aras kepimpinan Tunku bagi menghadapi Perang Dingin pada peringkat domestik.

Dalam keadaan ini, bagaimanakah kedudukan Tanah Melayu pada masa berlakunya Perang Dingin? Apakah British turut membawa konflik ini ke Tanah Melayu? Bagi menjawab kedua-dua persoalan ini, British ternyata merupakan pihak yang bertanggungjawab mencetuskan Perang Dingin di Tanah Melayu dan membawa konflik antarabangsa antara blok demokrasi dengan blok komunis ke Tanah Melayu. Perang Dingin tersebut dimulai menerusi perisytiharan darurat atas alasan pihak Parti Komunis Malaya (PKM) melakukan kegiatan radikal melalui serangan bersenjata.³ PKM kemudiannya telah diharamkan oleh pihak British pada 23 Julai 1948, lalu perkara ini telah meningkatkan serangan subversif dan radikal daripada organisasi komunis tersebut (CAB 128/13 CM 52 (48) 5 1948). Walau bagaimanapun, pihak British pada dasarnya tidak mempunyai bukti kukuh untuk mengaitkan darurat yang diisytiharkan itu dengan keganasan PKM seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Tanah Jajahan British (1946–1950), Arthur Creech Jones (CAB 129/28, CP (48) 171 1948). Dengan itu, apakah pentingnya kenyataan ini dalam isu darurat dan Perang Dingin yang dibincangkan? Perkara ini hanyalah alasan yang digunakan oleh pihak British untuk mencetuskan Perang Dingin di Tanah Melayu yang akhirnya banyak memberi manfaat kepada British untuk meneruskan penjajahannya.

Selain itu, perisytiharan darurat ini juga turut melibatkan campur tangan daripada negara-negara Komanwel yang terdiri daripada Australia dan New Zealand. Sekutu British ini telah terlibat dalam insiden darurat di Tanah Melayu melalui kerjasama pakatan Anglo–New Zealand–Australia and Malaya Arrangement (ANZAM) dengan pihak British yang menjadikan komunis China sebagai tumpuan sewaktu Perang Dingin.⁴ Tidak terhenti setakat itu, British turut melibatkan Amerika Syarikat dalam darurat di Tanah Melayu terutamanya menjelang bulan Mac 1950 apabila British telah menerima bantuan ekonomi melalui misi khas Amerika Syarikat iaitu Misi Griffin dan Misi Melby pada bulan Ogos tahun yang sama.⁵ Sebagai satu bentuk kawalan sempadan, British turut membentuk kerjasama dengan kerajaan Thailand pada tahun 1949 bagi mengekang penyusupan anggota PKM di sempadan kedua-dua pihak (FO 800/462, FE/49/18 1949). Keberadaan kuasa-kuasa besar ini juga bukanlah bermakna British menyerahkan urusan darurat ini kepada sekutunya tetapi menjelang penghujung tahun 1950, sebanyak 21 rejimen infantri, dua rejimen kereta perisai, satu briged komando, dan hampir 50,000 orang tentera kesemuanya telah diperuntukkan untuk memperkukuh strategi menghadapi ancaman komunis (DO (50) 92, CAB 21/1682 1950). Segala kerjasama kolektif ini telah memperlihatkan usaha British untuk menjadikan darurat bukan sekadar isu domestik semata-mata tetapi turut membabitkan negara-negara yang sememangnya bertentangan dengan negara-negara blok komunis. Perkaitan antara kesemua perkara ini kemudiannya telah menyebabkan perlunya pendekatan oleh Tunku bagi mengimbangi tekanan Perang Dingin pada peringkat domestik seperti keterangan dalam subperbincangan selepas ini.

Menjelang tahun 1950-an, usaha-usaha Tunku untuk membawa PTM ke arah sebuah kerajaan yang merdeka semakin jelas di tengah-tengah tempoh Perang Dingin ketika itu. Walaupun beliau belum lagi memiliki jawatan sebagai autoriti dan kuasa untuk mentadbir Tanah Melayu, tetapi beliau telah terlibat dengan usaha-usaha mengadakan pilihan raya tempatan yang dibentuk oleh pentadbir British bagi menyediakan PTM ke arah sebuah negara demokrasi (PREM 11/639 1952). Untuk itu, beliau juga telah berjaya mewujudkan kerjasama dengan Malaysian Chinese Association (MCA) yang dipimpin oleh Tan Cheng Lok atas kedudukan beliau sebagai Presiden United Malays National Organization (UMNO) (2012/01020 1954). Tunku telah mengakui perkara ini sebagai penentu kepada hala tuju politik di Tanah Melayu dalam tahun-tahun berikutnya apabila wilayah ini mencapai kemerdekaan. Sewaktu pertemuan beliau dengan Konsul Amerika Syarikat di Kuala Lumpur (1952–1957), Eric Kocher, beliau telah menegaskan bahawa kerjasama ini telah berjaya mengekang pengaruh komunis daripada terus berleluasa di Tanah Melayu (2012/01020 1954). Tunku kemudiannya telah membentuk Parti Perikatan sebagai persediaan untuk memimpin PTM sebagai sebuah negara demokrasi. Tindakan kerjasama dengan MCA ini sekali gus memberi ruang kepada Tunku untuk mengekang pengaruh komunis dan perkara ini perlu bagi kepimpinan Tunku untuk membawa PTM sebagai sebuah negara merdeka dalam mendepani tekanan Perang Dingin di peringkat domestik dan antarabangsa. Keadaan pada peringkat serantau ketika itu dapat dilihat menerusi kenyataan Setiausaha Pejabat Luar Kerajaan British, Sir Anthony Eden dalam memoir beliau.

Untuk menangani darurat, Tunku telah menggunakan pendekatan rundingan seawal tahun 1955 dengan pihak PKM untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Apabila kepimpinan Tunku telah memenangi pilihan raya Persekutuan, beliau kemudiannya telah mengemukakan tawaran pengampunan pada pihak PKM melalui kenyataan yang dikeluarkan pada 8 September 1955. Lanjutan daripada itu, Tunku telah bertemu dengan anggota PKM dalam rundingan di Baling, Kedah pada 28–29 Disember tahun yang sama. Di pihak Tunku, pertemuan tersebut telah disertai oleh Tan Cheng Lok (Presiden MCA) dan David Marshall (Ketua Menteri Singapura), manakala PKM telah diwakili oleh Chin Peng, Rashid Maidin serta Chen Tian. Bagi menzahirkan kesungguhan untuk menyelesaikan konflik dengan pihak PKM, Tunku menegaskan dalam kenyataan seperti yang berikut:

Before my party came into power ... I said that I wanted to bring peace to this country and I really mean it ... I did not come here as the spokesman for the British Government, neither am I the stooge or running dog of colonialism. I am the servant of the people and I represent the people who have elected me to power, and I do genuinely seek peace for this country. (CO 1030/29 Cmd. 26 1956)

Berdasarkan petikan tersebut, Tunku dengan jelas telah menggunakan pendekatan rundingan untuk mengakhiri konflik dengan PKM bagi menamatkan darurat sebelum PTM mencapai kemerdekaan. Beliau turut menegaskan bahawa beliau bukanlah orang suruhan oleh pihak British untuk melaksanakan pendekatan itu sebaliknya tindakan beliau berasaskan mandat daripada rakyat. Selain usaha untuk menamatkan darurat, rundingan Baling ini juga penting sebagai pengisian dalam pentadbiran Tunku sebelum PTM memperoleh kemerdekaan. Walau bagaimanapun, usaha rundingan ini gagal kerana pihak PKM tidak mahu untuk menerima syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam pertemuan tersebut lalu darurat terus berlangsung sehingga 31 Julai 1960.

Di pihak Tunku kemudiannya, usaha untuk menangani perkara ini tetap diteruskan meskipun PTM telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Bagi kerajaan British, kerjasama untuk keselamatan PTM tetap berlangsung melalui kepercayaan yang diberikan ke atas kepimpinan Tunku. Pada 9 Oktober 1957, kerajaan British telah menyatakan sokongan kepada Tunku untuk menghapuskan ancaman komunis dalam tempoh darurat melalui kenyataan seperti yang berikut:

The conduct of Emergency Operations against the Communist Terrorists and the maintenance of law and order in Malaya are the exclusive responsibility of the Government of the Federation of Malaya. However, at the request of the Government of the Federation of Malaya Her Majesty's Governments in the United Kingdom, Australia and New Zealand, have agreed that, to such an extent as they may each at any time consider practicable in the light of their total commitments, their forces, to be known as Overseas Commonwealth Land Forces, may be used to assist the Government of the Federation of Malaya in Emergency Operations. (DEFE 5/78, C.O.S. (57) 217 1957)

Kenyataan tersebut membuktikan bahawa kepimpinan Tunku akan terus menerima sokongan daripada kerajaan British dan negara-negara Komanwel dari segi kelengkapan pertahanan selaras dengan hubungan baik yang disifatkan sebagai *extremely friendly* bagi mengatasi apa-apa konflik. Pada 10 Oktober tahun yang sama melalui kenyataan bersama oleh pakatan ANZAM, bahagian perairan dan sempadan daratan Tanah Melayu akan terus diletakkan sebagai lingkungan kawasan pertahanan atas tanggungjawab bersama bagi menghadapi sebarang ancaman komunis dari luar (DEFE 5/78, C.O.S. (57) 219 1957). Dalam keadaan ini, Tunku telah mempersiapkan dan melancarkan operasi dengan Siam terutama di sempadan PTM bagi menghapuskan saki-baki gerila PKM yang akhirnya membawa kejayaan kepada pihak Persekutuan (CAB 129/96/31 1959). Pada 31 Julai 1960, darurat akhirnya ditamatkan oleh pentadbiran Tunku selepas 12 tahun pelaksanaannya.

Selanjutnya, Tunku turut mendepani keadaan Perang Dingin yang berlaku melalui idea pembentukan Persekutuan Malaysia. Penggabungan antara PTM dengan bahagian-bahagian lain seperti Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak, termasuk Brunei pada mulanya telah disuarakan oleh beliau pada 27 Mei 1961 (Macmillan 1973, 247). Gagasan idea Tunku ini menerima reaksi positif daripada pihak British yang sememangnya masih memberi perhatian kepada bekas tanah jajahannya. Perdana Menteri Britain ketika itu, Sir Harold Macmillan telah menyifatkan pembentukan Persekutuan Malaysia ini sebagai perkara penting dalam membentuk kestabilan geostrategik di Asia Tenggara yang secara jelas merangkumi kawasan bekas tanah jajahannya (CAB 129/110/6, C (62) 106 1962). Dengan itu, idea pembentukan Persekutuan Malaysia yang disebutkan oleh Tunku telah menjanjikan perkara positif bukan sahaja untuk Persekutuan yang bakal dibentuk, malah turut merangkumi kepentingan serantau.

Melalui idea pembentukan Malaysia, Tunku ternyata telah menggunakan strategi ini untuk mengekang kemaraan pengaruh komunis dari Singapura. Kenyataan ini mempunyai asasnya apabila Lee Kuan Yew selaku ketua Parti Tindakan Rakyat diancam oleh barisan sosialis bawah pimpinan Lim Chin Siong. Keadaan berkenaan dibuktikan apabila calon pilihan Lee tewas kepada pesaingnya, Ong Eng Guan dalam pilihan raya di Hong Lim yang menang dengan majoriti undian 7,747 berbanding 2,820 dan Lee (1998, 351) menyifatkan perkara ini sebagai *trowned in Hong Lim*. Perkembangan ini telah menimbulkan reaksi kurang senang pihak Kuala Lumpur apabila timbulnya kenyataan bahawa ancaman tersebut akan meluas ke seberang tambak dan memberi keyakinan kepada mereka yang cenderung terhadap komunis di Persekutuan untuk memperkuat pengaruh masing-masing. Oleh itu, pihak British turut berpendapat bahawa kekalahan Lee itu akan mendatangkan masalah kepada kedudukan politik Tunku di Persekutuan (National Security Files Countries 1963c).

Bagi kepimpinan PTM, peluasan ancaman komunis dari Singapura merupakan satu perkara yang cukup membimbangkan dalam tempoh tersebut. Dakwaan ini bukanlah satu andaian semata-mata tetapi kenyataan mengenainya telah dinyatakan dalam pengakuan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Abdul Razak Hussein dan Duta Persekutuan Tanah Melayu di Washington, Ong Yoke Lim sewaktu pertemuan dengan Presiden John F. Kennedy. Pada pertemuan 4 Julai 1962, Ong menyifatkan bahawa ancaman komunis daripada Parti Sayap Kiri di Singapura sebagai 'masalah besar' apabila 80% penduduknya terdedah pada pengaruh komunis yang disebarkan melalui tipu daya dan hasutan (FRUS 1961–1963a, 709). Selain itu, Tun Abdul Razak pula dalam pertemuannya dengan Presiden Kennedy pada 24 April 1963 menyatakan bahawa 30% penduduk Singapura dipengaruhi oleh komunis melalui kegiatan subversif dengan cara memeralatkan kesatuan-kesatuan sekerja yang berperanan penting dalam aspek ekonomi Singapura (FRUS 1961–1963b, 721–722). Terlebih dahulu, pada 11 Ogos 1961, Tunku menegaskan bahawa seperti yang berikut:

I am at the same time concerned about the Communist most threat in Singapore which becomes more menacing as time goes on, and I feel very strongly that before long the question of the future of Singapore will have to be settled. I am convinced that an independent Singapore will be drawn towards China; unless that is forestalled, it is needless for me to say the Federation, as well as the region, will be exposed to grave dangers. (PREM 11/3418 1961)

Kenyataan Tunku mengenai ancaman komunis itu telah memberi isyarat bahawa pembentukan Persekutuan Malaysia perlu berhadapan dengan ancaman komunis yang datang dari Singapura. Rentetan daripada keadaan ini, operasi Coldstore telah dilaksanakan melalui kerjasama antara Kuala Lumpur dengan Singapura untuk menyekat pengaruh barisan sosialis. Ketua Polis Singapura, George Bogaars telah mengarahkan polis cawangan khasnya untuk melakukan operasi penahanan terhadap anggota barisan sosialis yang terlibat dengan ancaman yang bersifat subversif dan radikal (Drysdale 1984, 319). Dalam hal ini, seramai 108 orang individu dari Singapura dan 50 orang dari PTM telah disenaraikan untuk ditahan bawah undang-undang Internal Security Act (ISA). Seterusnya, 43 arahan perintah sekatan di Singapura dan 27 arahan di PTM telah dikeluarkan (Mohd 2016, 186). Keadaan ini memperlihatkan kepimpinan Tunku telah berusaha untuk menangani ancaman komunis pada peringkat domestik menjelang pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara baharu. Tindakan ini juga disebabkan oleh Tunku tidak mahu Singapura dilibatkan dalam lingkungan pengaruh komunis dari China yang pada ketika itu semakin meluaskan pengaruhnya ke rantau Asia Tenggara.

PERANAN TUNKU ABDUL RAHMAN DALAM MENGIMBANGI PERANG DINGIN PADA PERINGKAT SERANTAU

Sewaktu Perang Dingin semakin meluas pada peringkat global dan Asia Tenggara, pentadbiran Tunku Abdul Rahman telah memilih pendekatan hubungan luar yang dapat memberi manfaat pada PTM dan kemudiannya Malaysia. Suasana pada peringkat antarabangsa ketika itu telah menyaksikan Kesatuan Soviet semakin meluaskan pengaruh komunisnya, manakala Republik Rakyat China pula semakin memperkukuh kedudukan blok komunis di Asia. Di rantau Asia Tenggara, Kesatuan Soviet semakin mempergiat bantuan ekonomi dan pertahanan untuk Indonesia sekitar tahun 1950-an sehingga awal 1960-an (Boden 2008, 110). Di bahagian Indochina, kepimpinan Ho Chi Minh telah mendapat sokongan daripada komunis China dalam konflik dengan Vietnam Selatan bawah kepimpinan Ngo Dinh Diem. Kawasan Laos dan Kemboja turut bergolak menerusi ancaman komunis yang wujud daripada gerakan yang dicituskan oleh rejim Pathet Lao (Hannah 1987, 143). Keadaan ini ternyata telah menuntut kepimpinan Tunku supaya lebih bijak untuk mencorakkan hubungan

luar dengan negara-negara blok demokrasi bagi mengimbangi tekanan Perang Dingin agar Persekutuan bebas daripada pengaruh komunis.

Dalam membentuk hubungan luar yang lebih tersusun dan rasmi, Tunku telah mewujudkan Kementerian Luar pada tahun 1957 yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Meskipun kementerian ini antara kementerian yang paling kecil menerima peruntukan daripada kerajaan, namun peranan yang dimainkan oleh kementerian ini cukup signifikan dari segi hubungan PTM di pentas antarabangsa.⁶ Menjelang tahun 1963 hingga 1966, peruntukan untuk kementerian luar ini telah dinaikkan dan usaha dilakukan bagi menambah bilangan diplomat untuk urusan diplomatik. Dari segi institusi antarabangsa, PTM telah diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebaik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan (Tawfik dan Ooi 2009, xiv). Penerimaan ini penting untuk menunjukkan bahawa PTM diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai sebuah kerajaan berdaulat dan sah serta membolehkan PTM mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara lain di dunia.

Bagi memastikan PTM mendapat tempat yang sewajarnya di pentas politik antarabangsa, Tunku telah membentuk hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa Barat. Sebagai bekas tanah jajahan British, Tunku masih lagi mengekalkan hubungan PTM dengan kerajaan British terutamanya melalui Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA) (Saravanamuttu 2010, 48). Tindakan ini dapat memastikan bahawa kerajaan British sedia membantu PTM mempertahankan negara daripada sebarang ancaman luar yang cuba untuk mengganggu-gugat soal geostrategik dan keselamatan Tanah Melayu. Tunku kemudiannya turut menjalinkan hubungan dengan Australia menerusi kunjungan beliau bertemu dengan Perdana Menteri Robert Menzies pada penghujung 1957. Kesan positif daripada kunjungan tersebut, Australia telah meningkatkan bantuan pertahanan dan latihan ketenteraan serta pengukuhan pangkalan tentera udara di Butterworth, Pulau Pinang (Edwards dan Pemberton 1992, 295). Perkara ini menunjukkan bahawa Tunku sedar betapa pentingnya hubungan diplomatik untuk Persekutuan yang baru sahaja merdeka.

Selain negara-negara Komanwel, Tunku turut membentuk hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat bawah pentadbiran Presiden Dwight D. Eisenhower. Menjelang kemerdekaan PTM, hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat terbentuk secara rasmi melalui pelantikan Homer M. Byington, Jr. sebagai duta ke Tanah Melayu, manakala Tun Dr. Ismail dilantik sebagai duta pertama Tanah Melayu ke Washington (*Berita Harian* 1957, 3). Tunku kemudiannya telah melakukan lawatan diplomatik melalui pertemuannya dengan Presiden Eisenhower di Washington pada bulan November 1960. Dalam kunjungan tersebut, delegasi Tunku telah disambut dengan baik dan Presiden Eisenhower

menyebutkan hubungan kedua-dua negara sebagai, “*it is one of our staunchest friends and one of the partners that we value highly*” (The Department of State Bulletin 1960, 783).

Perkara ini pada dasarnya berupaya untuk melanjutkan hubungan yang sedia ada antara Tanah Melayu dengan Amerika Syarikat yang sebelumnya terjalin melalui bantuan-bantuan kuasa besar itu sewaktu peringkat awal darurat di Tanah Melayu. Persoalannya, apakah manfaat material yang diperoleh oleh Tunku dalam konteks hubungan ini? Selain itu, bagaimanakah hubungan dengan Amerika Syarikat dapat dikaitkan dengan hubungan diplomatik antara PTM dengan negara-negara Komanwel yang telah dibincangkan sebelum ini? Jawapan kepada kedua-dua persoalan ini dapat diperhatikan semasa pentadbiran Tunku berhadapan dengan konfrontasi daripada kerajaan Indonesia bawah kepimpinan Presiden Sukarno (1945–1966).

Sebelum peringkat konfrontasi, Tunku telah terlibat secara langsung dengan negara Indonesia terutamanya dalam isu berkaitan wilayah Irian Barat (West New Guinea). Beliau telah bertindak sebagai individu yang cuba untuk menyelesaikan pertikaian tersebut bagi memastikan kestabilan kawasan Asia Tenggara serta hubungannya yang turut berkait dengan pihak British. Sarjana seperti Nicholas Tarling telah menyifatkan, “*If Indonesia was important for the British, it was almost a matter of life and death for the Federation of Malaya*” (Tarling 2010, 79). Perhatian dan hubungan Tunku dalam isu Irian Barat ini bermula sejak tahun 1957 sehingga menjelang pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Lanjutan daripada itu, Sukarno melihat Tunku sebagai pihak yang cenderung kepada pihak Barat dalam urusan yang mencakupi kepentingan Indonesia, lalu perspektif ini kemudiannya berterusan sehinggalah terbentuknya Persekutuan Malaysia.⁷

Sebagai reaksi terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia, kerajaan Indonesia telah melancarkan konfrontasi pada 20 Januari 1963 berdasarkan kenyataan bahawa Persekutuan ini merupakan satu bentuk neokolonialisme (Stockwell 2008, 138). Dominasi penduduk berbangsa Cina dari Singapura dan PTM turut dilihat oleh Indonesia sebagai ancaman yang bakal menarik penglibatan komunis China untuk mendominasi hal ehwal geopolitik di rantau Asia Tenggara sekiranya Persekutuan Malaysia tetap dibentuk.⁸ Tindakan Indonesia ini telah menyebabkan kepimpinan Tunku terpaksa berhadapan dengan serangan berbentuk gerila dan pasukan payung terjun daripada tentera Indonesia sewaktu Perang Dingin semakin kritikal di rantau Asia Tenggara. Dalam keadaan ini, Tunku telah menggunakan pendekatan diplomatik bagi memperoleh sokongan daripada negara-negara blok demokrasi bagi mendepani konfrontasi. Bantuan yang diperlukan oleh pentadbiran Tunku tidak terhad kepada bantuan ketenteraan tetapi turut berkait dengan sokongan diplomatik.

Akibat tekanan daripada Indonesia, Tunku kemudiannya telah memperkemas syarat-syarat perjanjian diplomatik dengan negara-negara Komanwel⁹ dari segi pertahanan. Kerajaan British pula bersedia untuk menyalurkan dana sebanyak 84 juta dolar Amerika Syarikat untuk tujuan pembangunan dan 50.4 juta dolar Amerika Syarikat untuk peralatan serta latihan ketenteraan (Papers of President Kennedy 1963a). Sokongan daripada negara-negara Komanwel ini pasti tidak dapat diperoleh tanpa usaha dan keupayaan Tunku membentuk hubungan diplomatik. Pada masa yang sama, Tunku turut berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada Amerika Syarikat. Dalam telegram beliau dari Kuala Lumpur ke Washington pada 2 Oktober 1963, Tunku telah menyebutkan bahawa terdapat dua masalah utama yang perlu dihadapi dalam pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu konfrontasi Indonesia dan tuntutan wilayah Borneo Utara oleh pihak Filipina (Papers of President Kennedy 1963b). Perincian kepada Amerika Syarikat ini dibuat oleh Tunku sebagai usaha untuk mendapatkan sokongan diplomatik bagi memastikan Persekutuan Malaysia diiktiraf oleh kuasa besar tersebut. Semenjak perisytiharan cadangan pembentukan Malaysia dibuat oleh Tunku, Filipina secara terang-terangan telah membantah penggabungan Borneo Utara ke dalam Malaysia (Norizan 2022). Walau bagaimanapun, tekanan daripada tuntutan Filipina ini tidak membawa serangan yang lebih kritikal berbanding dengan konfrontasi Indonesia yang secara jelas diperlihatkan dalam bentuk ketenteraan seiring dengan tempoh Perang Dingin ketika itu.

Tunku tidak bersendirian dalam menangani hal ini kerana kerajaan British bawah pimpinan Perdana Menteri Harold Macmillan turut mengakui bahawa sokongan terbuka daripada Amerika Syarikat penting untuk meredakan tekanan daripada Indonesia. Dalam suratnya kepada John F. Kennedy, Macmillan telah menyebutkan, “*bound to be a most dangerous and unpleasant conflict unless Sukarno can be stopped at the last moment ... All of this points to the absolute need for our two countries to stand together at this moment, in all respect*” (Horne 1989, 415). Pentadbiran Amerika Syarikat bawah Presiden Johnson kemudiannya telah melihat pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai satu perkembangan penting untuk kestabilan Asia Tenggara. Pendirian ini dibuktikan melalui catatan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dean Rusk pada 19 Disember 1963 yang menyatakan bahawa, “*we prefer to play a supporting role because of the primary responsibilities which we carry in Vietnam, Thailand, Laos and Cambodia*” (FRUS 1961–1963d, 773). Hal ini menunjukkan bahawa Amerika Syarikat telah bersedia untuk menyediakan sokongan sewajarnya bagi memastikan idea pembentukan Malaysia tidak terjejas akibat penentangan Indonesia tatkala wujudnya pelbagai konflik lain di rantau Asia Tenggara. Untuk mengurangkan tekanan daripada rejim Sukarno, sekatan ekonomi turut dikenakan ke atas bekas tanah jajahan Belanda itu dalam memastikan keadaan kembali stabil. Amerika Syarikat kemudiannya turut menghantar peguam negaranya, Robert F. Kennedy dalam misi khas untuk meredakan ketegangan antara Indonesia dengan Malaysia, bahkan usaha ini turut disambut baik oleh sekutunya iaitu kerajaan Britain di London (Hansard UK Parliament 1964).

Sokongan daripada negara-negara Komanwel dan usaha yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ini ternyata telah memberi manfaat kepada pentadbiran Tunku. Sewaktu serangan daripada sayap tentera Indonesia yang semakin kritikal pada bulan Disember 1964 hingga awal Januari 1965, bantuan angkatan tentera udara, laut dan darat telah disediakan oleh negara-negara Komanwel melalui Operasi Amphibia. Sejumlah 95,000 orang tentera telah digerakkan untuk mempertahankan perairan Sabah, Johor dan Sarawak daripada serangan Indonesia (FRUS 1964–1968, 209). Keadaan ini telah membantu Persekutuan Malaysia untuk mematahkan serangan gerila Indonesia dan pasukan payung terjun mereka yang semakin dipergiat menjelang Januari 1965. Amerika Syarikat selaku kuasa besar telah memberi jaminan untuk memberi bantuan ketenteraan melalui Australia, New Zealand, United States Security Treaty (ANZUS) yang merupakan pakatan kerjasama dengan Australia dan New Zealand sekiranya konflik bertambah serius.¹⁰ Situasi ini telah memperlihatkan bahawa Tunku telah memperoleh pelbagai sokongan daripada negara lain bagi memastikan rancangan pembentukan Persekutuan Malaysia terlaksana. Dengan itu, pendekatan yang dilakukan oleh Tunku bagi mengimbangi Perang Dingin pada peringkat serantau setidak-tidaknya telah menerima reaksi positif dari negara-negara Barat ketika itu.

Konfrontasi yang berlaku ini pada akhirnya telah menemukan penamat pada 11 Ogos 1966. Perkara ini meskipun tidak menampakkan peranan ketara yang dimainkan oleh Tunku, tetapi sedikit sebanyak usaha diplomasi yang dibuat oleh beliau sebelum ini telah membantu untuk mempertahankan Malaysia daripada serangan yang lebih agresif daripada Indonesia. Serangan itu kemudiannya semakin berkurangan menjelang penghujung 1965. Perkara ini bertitik tolak daripada peristiwa Gerakan September Tiga Puluh (Gestapu/G-30S) yang cuba untuk menggulingkan kedudukan Presiden Sukarno. Hal ini telah menimbulkan pelbagai reaksi sama ada pada pihak pimpinan Tunku mahupun kerajaan British dan Amerika Syarikat. Bagi kerajaan British, peristiwa ini menjadi permulaan kepada pengakhiran konfrontasi seperti yang diakui oleh Harold Macmillan dalam memoir beliau seperti yang berikut:

In Indonesia, an attempted coup d'etat by Communist was suppressed in September 1965 and followed by a terrible and widespread massacre ... For on that date General Suharto took over effective control. The Communist Party was banned. As a result, on 11 August 1966 the 'confrontation' with Malaysia was finally terminated. (Macmillan 1973, 262)

Melalui kenyataan tersebut, pertukaran rejim pemerintahan di Indonesia daripada Sukarno kepada Suharto ternyata telah memberi kesan terhadap konfrontasi itu sendiri. Tekanan ke atas Persekutuan Malaysia kemudiannya beransur-ansur reda sebaik sahaja Jeneral Suharto mengambil alih pemerintahan bawah Dewan Revolusi Indonesia. Meskipun Tunku tidak terlibat dalam usaha

rampasan kuasa itu, tetapi manfaat daripada peristiwa tersebut ternyata memberikan kelegaan kepada pentadbiran Tunku bagi mengakhiri konfrontasi. Akhirnya penamatan konfrontasi telah dicapai menerusi kesepakatan diplomasi melalui pertemuan antara Tunku selaku Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden Indonesia, Jeneral Suharto pada 11 Ogos 1966 (Leigh 2018, 81).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, era pentadbiran Tunku Abdul Rahman dari tahun 1957 hingga 1966 sememangnya berlangsung dalam pentas Perang Dingin yang semakin memuncak sama ada pada peringkat domestik mahupun peringkat global. Sepanjang tempoh itu, hubungan luar PTM dan kemudiannya Persekutuan Malaysia sememangnya terletak pada pendekatan yang dibentuk oleh kabinet bawah kepimpinan Tunku. Keputusan untuk menamatkan darurat, membentuk Persekutuan Malaysia dan mencorakkan hubungan luar yang berorientasikan blok demokrasi ialah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Tunku bagi memastikan Malaysia tidak jatuh ataupun dikuasai oleh blok komunis. Meskipun keputusan ini bukanlah terletak secara mutlak di tangan Tunku, namun segala perkara yang telah dibincangkan sebelum ini tetap berkait rapat dengan peranan beliau sebagai seorang Perdana Menteri. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa kepimpinan Tunku Abdul Rahman telah berjaya untuk mengakhiri tekanan Perang Dingin pada peringkat domestik dan seterusnya mengimbangi cabaran Perang Dingin pada peringkat serantau. Rentetan daripada itu, Perang Dingin yang dimulakan oleh British di Tanah Melayu telah ditamatkan oleh kepimpinan Tunku melalui pembentukan Persekutuan Malaysia serta peletakan negara baharu ini sebagai sebuah kerajaan demokrasi yang diterima di rantau Asia Tenggara.

NOTA

1. Tunku Abdul Rahman merupakan seorang graduan St Catherine's College, Cambridge dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Undang-undang dan Sejarah pada tahun 1925. Tunku juga disebutkan sebagai 'Bapa Kemerdekaan' atas peranannya yang terlibat dalam rundingan kemerdekaan dengan pihak British. Beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri Persekutuan Malaysia pertama hingga tahun 1970 sebelum digantikan oleh Tun Abdul Razak (Fernando 2011, 495).
2. Tiga peringkat pertembungan ini berbeza-beza dari segi faktor yang mendorong terjadinya perkara tersebut. Pertembungan peringkat pertama lebih terarah kepada isu peluasan wilayah sekitar kurun ke-19 yang membabitkan kawasan-kawasan di sepanjang Lautan Pasifik termasuklah wilayah di Tanah Besar China. Dalam konteks tahun 1917 pula, pertembungan kedua ini berkait rapat dengan soal ideologi apabila British melihat kejayaan

Revolusi Bolshevik pimpinan Lenin itu berpotensi untuk menggugat kedudukan politik British di pentas antarabangsa. Pertembungan ketiga pula berkisar pada isu-isu pengukuhan semula kedudukan dan prestij British dan Rusia (Kesatuan Soviet) sebaik sahaja berakhirnya Perang Dunia Kedua yang tidak terbatas semata-mata kepada pertembungan ideologi, bahkan ia turut membabitkan isu ekonomi, persaingan persenjataan dan pakatan ketenteraan.

3. Selepas tersebarnya berita pembunuhan tiga pengurus ladang berbangsa Eropah iaitu Arthur Walker, John A. Allison dan I.D. Christian di Estet Sungai Siput, pentadbir British kemudiannya mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu. Pengisytiharan tersebut dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sir Edward Gent (Stockwell 1995, 19).
4. ANZAM Arrangement merupakan satu penyusunan kawasan atas tanggungjawab bersama oleh British, New Zealand dan Australia. Penyusunan kawasan ini melibatkan Tanah Melayu dan Singapura sebagai kawasan yang berada bawah pengawasan ketiga-tiga negara berkenaan. Kerjasama yang terbentuk pada tahun 1948 ini pada akhirnya turut diperluas sehingga ke Sarawak, Borneo Utara dan Brunei (A5954/41 n.d.; Sah Hadiyatan 2009).
5. Sumbangan daripada Amerika Syarikat yang terdiri daripada buku-buku, guru yang mahir berbahasa Cina serta dana dalam bentuk dolar Amerika Syarikat (USD) untuk penerokaan pembangunan kawasan-kawasan baharu (*Malaya Tribune* 1950, 1). Sebanyak 5 juta dolar Amerika Syarikat telah diberikan kepada pentadbir British melalui Misi Melby yang selesai melakukan kunjungan ke Asia Tenggara pada bulan Oktober 1950 (*Singapore Standard* 1950, 11).
6. Sebanyak 4 juta dolar Tanah Melayu (MD) telah diperuntukkan untuk Kementerian Luar pada tahun 1957. Struktur dan organisasi kementerian itu mencerminkan orientasi dasar luar negara dengan dua bahagian politik dua hala iaitu bahagian Eropah dan Amerika serta bahagian Australasia dan Afrika. Tanah Melayu hanya mempunyai tujuh misi diplomatik pada tahun 1957 di Bangkok, Canberra, Jakarta, London, New Delhi, New York dan Washington DC (Karuppanan dan Shakila 2020, 71).
7. Gambaran mengenai isu ekonomi dan geostrategik ini boleh dilihat dalam telegram duta Amerika Syarikat dari Indonesia ke Washington oleh Howard Jones. Kenyataan dalam telegram itu menunjukkan bahawa Indonesia melihat Persekutuan Malaysia lebih terkehadapan dari segi pembangunan sosial dan ekonomi. Kewujudan Persekutuan Malaysia ini akan memberi kesan terhadap kedudukan bekas tanah jajahan Belanda itu di rantau Asia Tenggara sama ada dari segi perdagangan yang berkaitan dengan pelabur Barat ataupun kedudukan geostrategik (National Security Files Countries 1963b).
8. Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh General Nasution kepada Jones yang terkandung dalam telegram bertarikh 18 Januari 1963. Dalam pertemuan itu juga, General Nasution telah menyebutkan bahawa tindakan pihak Persekutuan membawa masuk Singapura ke dalam penggabungan tidak

akan dapat menyelesaikan pengaruh dan ancaman daripada penduduk berbangsa Cina. Penduduk berbangsa Cina di Persekutuan sendiri dari semasa ke semasa semakin mendominasi urusan di Persekutuan manakala di pihak Singapura, penduduk berbangsa Cinanya masih lagi mempunyai sentimen perasaan yang cenderung kepada hegemoni tanah besar China (National Security Files Countries 1963b).

9. Antara sokongan daripada negara-negara Komanwel khususnya British dapat dilihat apabila sejumlah 13,500 orang askar telah ditempatkan di Singapura dan 8,000 orang daripadanya merupakan tentera British dan Gurkha yang beroperasi di Borneo dan Sarawak. Seterusnya, 2,800 orang tentera udara pihak Komanwel yang terdiri daripada satu pasukan briged British, satu pasukan briged New Zealand dan dua pasukan batolian Australia turut ditempatkan. Terdapat 6,000 individu angkatan tentera udara British, 58 jet pejuang, 28 pengebom, 56 pengangkutan, dan 15 helikopter turut terlibat bagi menghadapi apa-apa serangan sewaktu konfrontasi (Papers of President Kennedy 1963).
10. ANZUS Pact merupakan pakatan antara Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat yang telah dibentuk pada bulan September 1951 untuk mengawal kepentingan geogstrategik ketiga-tiga negara dari bahagian Lautan Pasifik hingga ke Asia Tenggara. Sekiranya kawasan kepentingan negara anggota diserang oleh kuasa luar, maka bantuan akan diberikan dalam kalangan negara anggota bagi memenuhi tanggungjawab dalam pakatan (FRUS 1961-1963c, 731).

RUJUKAN

Sumber Primer

- 2012/01020. 1954. Views of UMNO President Rahman. 18 February. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- A5954/41. n.d. ANZAM *planning for defence of Malaya*. Singapore: National Archives of Singapore.
- CAB 128/13 CM 52 (48)5. 1948. Proscription of the Malayan Communist Party: Cabinet Conclusions. 23 July. London: The National Archive.
- CAB 129/28, CP (48) 171. 1948. The Situation in Malaya. 1 July 1948. London: The National Archive.
- CAB 129/96/31. 1959. Malaya. 10 February. London: The National Archive.
- CAB 129/110/6, C (62) 106. 1962. Memorandum by the Prime Minister. 4 July. London: The National Archive.
- CO 1030/29, Cmd. 26. 1956. Report by the Chief Minister of the Federation of Malaya on the Baling Talks. 16 May. Papers presented to Parliament, Singapore: National Archive Singapore.

- DO (50) 92, CAB 21/1682. 1950. Malaya Committee: Operations against bandits etc. (general), E. Shinwell, Secretary of State for War to Cabinet Defence Committee, 24 October. Singapore: National Archives of Singapore.
- DEFE 5/78, C.O.S. (57) 217. 1957. Directives to Commanders of Overseas Commonwealth Forces in Malaya after Independence. 9 October. London: The National Archive.
- DEFE 5/78, C.O.S. (57) 219. 1957. The future of ANZAM. 10 October. London: The National Archive.
- Federal Government Press Statement. 1960. D. INF. 7/60/160 (Emerg), Appendix H, Emergency statistics for the Federation of Malaya since June 1948. 31 July. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- FO 371/49069. 1945. Hoyer-Millar minute, 13 August. London: The National Archive.
- FO 800/462, FE/49/18. 1949. Siamese Finance Minister. 1 September. London: The National Archive.
- FRUS. 1958–1960. Cuba, Vol. 6, Letter to the President Macmillan, 22 July 1960. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office,
- _____. 1964–1968. Indonesia; Malaysia–Singapore; Philippines, Vol. 26, Telegram from the Department of State to the Mission to the United Nations, 15 January 1965. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office,
- _____. 1961–1963a. Malaysia, Vol. 23, Memorandum of Conversation, Greater Malaysia, 4 July 1962. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office.
- _____. 1961–1963b. Malaysia, Vol. 23, Memorandum of Conversation, Malaya and Malaysia, 24 April 1963. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office.
- _____. 1961–1963c. Malaysia, Vol. 23, Memorandum of Conversation, Malaysia and Indonesia; ANZUS Treaty; Australian Defence Budget, 2 October 1963. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office.
- _____. 1961–1963d. Malaysia, Vol. 23, Memorandum of Conversation, Indonesia/Malaysia, 19 December 1963. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office.
- Hansard UK Parliament. 1964. Indonesia and Malaysia: Mr Robert Kennedy's Visit, Vol. 254, 28 January. London: The National Archive.
- National Security Files Countries. 1963a. Borneo, General, 5/62-1/63, Telegram from London (Bruce) to Secretary of State. 8 March. Boston: JFK Library.
- National Security Files Countries. 1963b. Borneo, General, 5/62-1/63, Telegram from Djakarta (Jones) to Secretary of State. 18 January. Boston: JFK Library.
- National Security Files Countries. 1963c. Borneo, General, 5/62-1/63, Telegram from Jakarta (Jones) to Secretary of State. 21 February. Boston: JFK Library.
- Papers of President Kennedy. 1961–1963a. National Security Files, Robert W. Komer, box 432, Malaysia, Telegram from Kuala Lumpur to Secretary of State. 2 October 1963. Boston: JFK Library.
- Papers of President Kennedy. 1961–1963b. National Security Files, Robert W. Komer, box 432, Malaysia, Special Report, Britain's Malaysia Policy. 25 October 1963. Boston: JFK Library.
- PREM 11/639. Directive to Templer issued by Lyttelton, 1 February 1952. London: The National Archive.

- PREM 11/3418. 1961. Letter from Tunku Abdul Rahman to Mr Macmillan. 11 August. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- The Department of State Bulletin. 1960. Vol. 43, Prime Minister of Malaya visit to Washington, 21 November. Washington: U.S. Government Printing Office, 1939–1989. Hathi Trust Digital Library. <https://hdl.handle.net/2027/mdp.39015077198961>

Sumber Sekunder

- Aunesluoma, J. 2003. *Britain, Sweden and the Cold War, 1945–54: Understanding Neutrality*. London: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9780230596252>
- Berita Harian. 1957. Duta Amerika ka-Malaya sangat bijak. 23 October.
- Boden, R. 2008. Cold War economics: Soviet aid to Indonesia. *Journal of Cold War Studies* 10(3): 110–128. <https://doi.org/10.1162/jcws.2008.10.3.110>
- Deighton, A. 1990. Introduction. In *Britain and the First Cold War*, ed. A. Deighton, 1–10. New York: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-1-349-10756-8_1
- Drysdale, J. 1984. *Singapore: Struggle for success*. Singapore: Times Book International.
- Edwards, P.G. and G. Pemberton. 1992. *Crises and commitments: The politics and diplomacy of Australia's involvement in Southeast Asian conflicts, 1948–1965*. Sydney: Allin and Unwin Pte Ltd.
- Fernando, J.M. 2011. Tunku Abdul Rahman, charisma, and the nationalist movement in Malaya, 1952–1957. *Studies in Ethnicity and Nationalism* 11(3): 492–508. <https://doi.org/10.1111/j.1754-9469.2011.01133.x>
- _____. 2012. The Cold War, Malayan decolonization and the making of the Federation of Malaysia. In *Southeast Asia and the Cold War*, ed. A. Lau. New York: Routledge.
- Frazier, R. 1991. *Anglo-American relations with Greece: The coming of the Cold War, 1942–47*. New York: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-1-349-21552-2>
- Goldstein, E. 2003. Britain and the origins of the Cold War 1917–1925. In *Cold War Britain, 1945–1964: New perspective*, eds. M. F. Hopkins, M.D. Kandiah and G. Staerck, 7–16. London: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1057/9781403919786_2
- Greenwood, S. 2003. Coal and the origins of the Cold War: The British dilemma over coal supplies from the Ruhr, 1946. In *Cold War Britain, 1945–1964: New perspectives*, eds. M. F. Hopkins, M.D. Kandiah and G. Staerck, 143–154. London: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1057/9781403919786_12
- Hannah, N.B. 1987. *The key to failure: Laos and the Vietnam war*. Lanham: Madison Books.
- Harbutt, F.J. 1986. *The iron curtain: Churchill, America and the origins of the Cold War*. New York: Oxford University Press.
- Horne, A. 1989. *Harold Macmillan: 1957–1986*. New York: Penguin Books.
- Hull, C. 2013. *British diplomacy and US hegemony in Cuba, 1898–1964*. London: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781137301765>
- Jackson, I. 2001. *The economic Cold War: America, Britain and east-west trade, 1948–63*. London: Palgrave Macmillan.
- Jones, M. 2002. *Conflict and confrontation in South East Asia, 1961–1965: Britain, The United States and the creation of Malaysia*. London: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511497346>

- Karuppanan, I. and Shakila Jacob. 2020. Malaysia-Indonesia Konfrontasi: The struggle for influence in the Middle East. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 93(1): 67–89. <https://doi.org/10.1353/ras.2020.0016>
- Kelly, S. 2000. *Cold War in the desert: Britain, the United States and the Italian colonies, 1945–52*. London: Palgrave Macmillan.
- Kent, J. 1990. The British empire and the origins of the Cold War, 1944–1949. In *Britain and the first Cold War*, ed. A. Deighton, 165–183. New York: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-1-349-10756-8_10
- Lam, C.W. 2023. Explaining interactions between Malaysia's Dewan Rakyat and foreign affairs: A parliamentary behaviour study, 1959–2019. *Kajian Malaysia* 41(1): 1–20. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.1.1>
- Lee, K.Y. 1998. *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Prentice Hall.
- Leigh, M. 2018. *Deals, Datus and Dayaks: Sarawak and Brunei in the making of Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Liow, J.C. 2005. Tunku Abdul Rahman and Malaya's relations with Indonesia, 1957–1960. *Journal of Southeast Asian Studies* 36(1): 87–109. <https://doi.org/10.1017/S0022463405000044>
- Lu, X. 2016. The American Cold War in Hong Kong 1949–1960: Intelligence and propaganda. In *Hong Kong in the Cold War*, eds. P. Roberts and J.M. Carrol, 117–140. Hong Kong: Hong Kong University Press. <https://doi.org/10.5790/hongkong/9789888208005.003.0006>
- Macmillan, H. 1973. *At the end of the day, 1961–1963*. New York: Harper & Row Publishers.
- Malaya Tribune. 1950. All aid short of guns for Malaya. 23 March.
- Marsh, S. 2003. *Anglo-American relations and Cold War oil: Crisis in Iran*. London: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9780230287655>
- Mason, R. 2009. The PKI-FDR uprising of 1948 and US policy regarding the Dutch-Indonesian dispute. *Kajian Malaysia* 27(1&2): 121–153.
- Mohd Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961–1966: Penubuhan dan cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmahani Hussain. 2018. British foreign office perspectives on the admission of Turkey and Greece to NATO, 1947–1952. PhD diss., University of Leeds.
- Norizan Kadir. 2022. Nasionalisme dan perubahan polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah daripada irredentisme kepada tuntutan dorman, 1962–1998. *Kajian Malaysia* 40(2): 197–226. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.9>
- Ramlah Adam. 2005. *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sah Hadiyatan Ismail. 2009. The American connection and Australian policy in Southeast Asia, 1945–1965. PhD diss., Queensland: The University of Queensland.
- Saravanamuttu, J. 2010. *Malaysia's foreign policy the first fifty years: Alignment, neutralism, Islamism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS). <https://doi.org/10.1355/9789814279802>
- Singapore Standard*. 1950. Griffiths and Melby Discuss Malaya. 28 October.
- Sodhy, P. 1982. Passage of empire: United States-Malayan relations to 1966. PhD diss., University Microfilms International.

- Stockwell, A.J. ed. 1995. *BDOEE: Series B. Malaya: Part II: The Communist Insurrection 1948–1953*, vol. 3. London: HMSO.
- _____. 2008. Malaysia: The making of a neo-colony? *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 26(2): 138–156. <https://doi.org/10.1080/03086539808583029>
- Tarling, N. 1998. *Britain, Southeast Asia and the onset of the Cold War, 1945–1950*. New York: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511552342>
- _____. 2010. Britain, the Tunku and West New Guinea, 1957–1963. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 83(1): 77–90. <https://doi.org/10.1353/ras.2010.a381385>
- Tawfik Ismail and K.B. Ooi. 2009. *Malaya's first year at the United Nations, as reflected in Dr. Ismail's reports home to Tunku Abdul Rahman*. Singapore: ISEAS. <https://doi.org/10.1355/9789812309037>
- Wyss, M. 2013. *Arms transfers, neutrality and Britain's role in the Cold War: Anglo-Swiss relations 1945–1958*. Boston: Brill. <https://doi.org/10.1163/9789004234437>